PROMPTER DISEDIAKAN

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW

APRIL 2026

TARIKH/MASA:

02 APRIL 2026 (KHAMIS)

08:00 PAGI

TEMPAT:

DEWAN SERI LESTARI

ARAS B1, KKDW

PUTRAJAYA

Terima Kasih Saudara / Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Hari ini kita masih lagi berada dalam suasana kemeriahan bulan Syawal yang menjadi simbol kemenangan kita melawan hawa nafsu sepanjang Ramadan.

2. Namun, di sebalik suasana kemenangan ini, kita turut menyaksikan dunia sedang berdepan dengan ketidaktentuan yang semakin meruncing. Konflik yang semakin memuncak antara Amerika Syarikat dan Iran hari ini bukan lagi sekadar pertikaian serantau. Ia telah menjadi krisis global yang menguji kestabilan ekonomi dunia dan secara langsung memberi kesan kepada negara kita.

3. Gangguan terhadap laluan perdagangan tenaga utama seperti Selat Hormuz yang mengendalikan hampir 20% perdagangan tenaga global, telah menyebabkan lonjakan harga minyak dunia sehingga mencecah lebih 60% dalam tempoh singkat. Ini telah memberi kesan langsung

terhadap angka di pasaran global yang membawa kepada kenaikan kos sara hidup, kos logistik, dan tekanan inflasi di negara kita.

4. Kita perlu menyedari hakikat bahawa tekanan ini bukan bersifat andaian. Pada 30 Mac lalu, harga minyak Brent telah mencecah sekitar AS$115.55 setong, meningkat hampir 60 peratus berbanding 27 Februari. Kenaikan ini memberi kesan langsung kepada kedudukan fiskal negara apabila kos subsidi bahan api melonjak daripada sekitar RM700 juta kepada RM3.2 bilion dalam tempoh kurang seminggu. Inilah sebab utama mengapa kawasan luar bandar Malaysia turut terkesan, walaupun konflik tersebut berlaku jauh dari rantau ini.

5. Sebagai peneraju kemajuan desa, kita juga melihat bahawa kesan ini turut memberi implikasi langsung dan tidak langsung terhadap kesejahteraan 8.1 juta masyarakat desa. Dalam jumlah tersebut, pekebun kecil getah yang menyumbang kira-kira 84.7% daripada pengeluaran getah asli negara merupakan golongan paling terdedah kepada peningkatan kos input dan ketidaktentuan harga komoditi.

6. Lebih 224 ribu komuniti Orang Asli kini berdepan cabaran apabila kenaikan kos bahan api menjejaskan bekalan air, pengangkutan pelajar, perkhidmatan kesihatan serta penyaluran bantuan asas ke kawasan pedalaman.

7. Bayangkan… jika kita di bandar ini sudah mula merasakan tekanannya, maka di desa kesannya berlipat kali ganda. Harga makanan meningkat. Kos ulang-alik bertambah. Pengangkutan sekolah menjadi beban. Kos penghantaran juga melonjak, lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman yang jauh dari pusat ekonomi.

8. Bayangkan... seorang peniaga kecil, pesawah padi, nelayan yang bergantung kepada diesel dan subsidi untuk meneruskan operasi. Bayangkan… apabila keuntungan yang kecil usahawan desa semakin terhakis sedikit demi sedikit, sehingga ada yang terpaksa memilih antara meneruskan usaha… atau mengurangkan keperluan keluarga.

9. Saya membayangkan sekiranya keadaan di Hormuz kembali normal pada bulan April, kerosakan ini mungkin hanya bersifat sementara dan masih boleh diurus. Tetapi jika gangguan berlarutan hingga Mei atau Jun, tekanan akan beralih daripada sekadar kos yang lebih tinggi kepada **tekanan aliran tunai sebenar dalam komuniti**

luar bandar serta kemungkinan keperluan penambahan program bantuan oleh agensi kerajaan.

10. Percayalah, krisis ini bukan bersifat untuk menakut-nakutkan, tetapi untuk dihadapi dengan tindakan yang efektif dan berkesan. Kerajaan telah bertindak secara proaktif melalui langkah mitigasi, termasuk memastikan kesinambungan subsidi, kestabilan harga serta intervensi bersasar bagi melindungi rakyat. Tanggungjawab kita pula adalah **memastikan masyarakat luar bandar terus mampu bertahan daripada tempias krisis global ini.**

PERANAN KKDW: MEMBINA KETAHANAN EKONOMI DESA

11. Jadi, setelah kita memahami realiti yang berlaku ketika ini, saya percaya di sinilah letaknya peranan strategik KKDW sebagai benteng hadapan dalam **membina ketahanan ekonomi desa.**

12. Ketahanan ini bukan sekadar soal membantu rakyat bertahan ketika kos meningkat. Ketahanan sebenar ialah keupayaan desa untuk *absorb the shocks*, menyesuaikan diri dengan cepat, dan pada masa yang sama mencipta sumber nilai baharu supaya rakyat desa tidak terus terdedah kepada kitaran krisis yang mungkin berulang.

13. Sebab itu KKDW tidak boleh hanya berfungsi sebagai pelaksana program. Dalam keadaan dunia yang tidak menentu, **KKDW mesti berperanan sebagai pemudah cara yang menyelaras bantuan segera, memperkukuh rantaian bekalan di peringkat desa, dan membuka ruang ekonomi baharu berasaskan kekuatan tempatan.**

14. Jika Kerajaan membina benteng di peringkat makro melalui subsidi, kawalan harga dan dasar fiskal, maka tugas kita di KKDW ialah memastikan benteng itu benar-benar sampai dan dirasai di peringkat mikro. Bagi masyarakat desa, ukuran sebenar bukan pada pengumuman dasar, tetapi sama ada bekalan sampai, kos dapat dikawal, pendapatan dapat dipertahan, dan perkhidmatan asas terus berjalan.

15. Sebab itu, saya melihat respons KKDW mesti bergerak dalam tiga teras. Pertama, kita mesti **menangani tekanan jangka pendek secara segera dan bersasar.** Kedua, kita mesti **mengurangkan kebergantungan kepada kos yang mudah dipengaruhi oleh ketidaktentuan global**. Ketiga, kita mesti **membina sumber pertumbuhan baharu dengan mencipta nilai daripada kekuatan dan sumber yang sedia ada** di desa.

16. Dari sudut perlindungan segera, bantuan kepada pekebun kecil, pesawah, penternak, nelayan, usahawan desa dan komuniti rentan mesti disusun secara lebih bersasar, cepat dan responsif. Bantuan input, insentif pengeluaran serta sokongan kebajikan perlu berpaksikan data lapangan supaya yang benar-benar terkesan diberi keutamaan. Dalam keadaan krisis, *time is critical* - bantuan yang lambat sampai sering kali gagal berfungsi sebagai perlindungan sebenar.

17. Kita juga perlu menyusun semula rantaian bekalan desa. Tekanan yang dirasai rakyat bukan hanya berpunca daripada harga global, tetapi turut dipengaruhi kos perantaraan dan kelemahan logistik**. Peranan koperasi, pusat pengumpulan dan rangkaian pengedaran tempatan perlu diperkukuh** supaya jarak antara pengeluar dan pasaran dapat dikurangkan dan kos tidak terus bertambah di tengah jalan.

18. Bagi jangka sederhana, kita mesti **mengurangkan kebergantungan kepada kos yang tidak stabil — khususnya tenaga**. Selagi kawasan desa terlalu bergantung kepada diesel dan bahan api konvensional, selagi itulah setiap krisis global akan memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat.

19. Kita lihat perkembangan geopolitik ini turut memberi kesan kepada sektor komoditi, khususnya sawit. Apabila harga minyak mentah meningkat akibat konflik, biodiesel menjadi lebih kompetitif, sekali gus meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit dan menyokong harga pasaran.

20. Sebab itu pendekatan baharu perlu dipercepatkan. Inisiatif seperti loji biogas oleh FELCRA menunjukkan bahawa sisa pertanian boleh diangkat menjadi sumber tenaga dan pendapatan. Saya percaya ini adalah asas kepada model ekonomi desa yang lebih tahan lasak dan bernilai.

21. FELDA juga mesti memainkan peranan penting dalam rantaian nilai ini sebagai pengeluar utama. Bagi peneroka dan pekebun kecil, pengukuhan harga komoditi ini bukan sekadar perubahan pasaran, tetapi peluang untuk memperkukuh pendapatan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

22. Dalam masa yang sama, pendekatan strategik RISDA melalui pembaharuan struktur pasaran dengan berperanan sebagai **agen pembeli getah *utama (anchor buyer)*** adalah langkah yang lebih tersusun dalam rantaian pemasaran. Pendekatan ini mengurangkan kebergantungan kepada pasaran yang tidak menentu, sekali gus memperkukuh pendapatan dan keyakinan

pekebun kecil.

23. As I was briefed yesterday, *I am pleased to see that KKDW is one step ahead* dalam mendepani ketidaktentuan ini. Usaha memperkukuh keterjaminan makanan melalui peningkatan pengeluaran komoditi agromakanan adalah langkah yang tepat dan mesti dipercepatkan.

24. Dalam masa yang sama, langkah penjimatan yang dilaksanakan juga penting. *We must consolidate our priorities* supaya sumber yang terhad dapat digunakan secara lebih fokus dan berimpak tinggi.

25. Saya mahu setiap agensi memainkan peranannya. MARA mesti melihat kepada pemerkasaan usahawan desa. JAKOA memberi tumpuan kepada ketahanan komuniti Orang Asli. Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah mesti menyantuni pemegang taruh masing-masing. Semua perlu ***come out with a clear and actionable plan. We must be ahead of the curve.*** Kita mesti membina sistem yang lebih tahan dan sentiasa bersedia.

26. Dalam saat yang kritikal ini, kita perlu mengubah cara berfikir dan memperbaharui cara bekerja. Seperti yang saya pernah sebutkan sebelum ini - *Routine will not lead to transformation*. Dan tatkala dunia dilanda krisis, kita

tidak boleh lagi kekal dengan cara lama. Kita perlu menjadi kekuatan baharu ekonomi negara.

PENCAPAIAN SPM 2025: MENCIPTA GENERASI PENERAJU MASA HADAPAN

Hadirin sekalian,

27. Ya, saya mungkin mengambil sedikit masa untuk menghuraikan realiti dan kesan konflik global yang sedang berlaku. Namun dalam kita mendepani cabaran ini, kita juga menerima berita yang membanggakan - hasil usaha berterusan kita dalam memperkasa pendidikan luar bandar.

28. Dua hari lalu keputusan SPM telahpun diumumkan. Saya berbangga dengan pencapaian seramai **7,636 calon SPM 2025 daripada 57 Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)** termasuk 80 orang calon berjaya memperoleh semua A+. Malah, **MRSM Tun Ghafar, MRSM Gemencheh, MRSM Taiping, MRSM Pengkalan Chepa dan MRSM Kuala Kubu Bharu telah menjadi antara 5 MRSM terbaik** mengatasi Sekolah Berasrama Penuh dan sekolah-sekolah lain di seluruh negara.

29. Bukan itu sahaja, kita turut menyaksikan satu pencapaian yang amat membanggakan apabila **4 pelajar Orang Asli berjaya memperoleh keputusan 9A, manakala seramai 114 pelajar mencatat keputusan cemerlang 5A ke atas**, meningkat daripada 87 pelajar pada tahun lalu.

30. Tambahan itu, hasil usaha kita bersama **jurang pencapaian antara calon bandar dan luar bandar semakin mengecil, dengan peningkatan 0.04 mata berdasarkan Gred Purata Kebangsaan (GPK).**

31. Alhamdulillah, kejayaan ini membuktikan apabila peluang diberikan secara adil dan sokongan disalurkan secara konsisten, anak desa mampu melakar kecemerlangan setanding di pentas nasional. Inilah asas kepada pembinaan generasi masa depan yang saya maksudkan... bukan sahaja berilmu, tetapi berdaya saing dan berkeyakinan untuk memacu negara ke tahap yang lebih tinggi.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

32. Yakinlah, biar seteruk mana pun gelombang krisis ekonomi global yang cuba menggugat, selagi kita berpegang teguh pada amanah, benar-benar memahami

permasalahan masyarakat desa dan mengadaptasi kepada perubahan, insya-Allah desa kita akan terus gagah bertahan.

33. Saya menaruh keyakinan yang tidak berbelah bahagi kepada tuan-tuan dan puan-puan semua bahawa kita mampu bertindak dengan berkesan dan lebih berani walau berdepan dengan apa jua cabaran. Jangan pernah lelah menyantuni rakyat.

34. Akhir kata, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua. Teruskan kecemerlangan demi agama, bangsa, dan negara yang kita cintai ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.